

PENDAHULUAN

PENGENALAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله صحبه وأجمعين،
وبعد: فأقول والله ولي التوفيق:

Tidak ada kebijakan yang lebih mulia boleh menandingi khidmat bakti kepada Kitab Allah S.W.T. Khidmat bakti tersebut menjadi lebih bermakna apabila melibatkan persoalan hukum-hakam dalam *al-Shari‘ah al-Islamiyyah* yang merupakan dasar dalam kehidupan setiap orang Islam.

Individu yang paling berjasa dalam mencerahkan khidmat baktinya kepada *Kalām Allāh* S.W.T. ialah Baginda Rasulullah S.A.W. Bagaimana tidaknya, Baginda S.A.W. adalah utusan Allah S.W.T. kepada sekalian *al-thaqalayn*¹ dan merupakan pentafsir kepada kitab suci itu. Firman Allah S.W.T:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

Surah al-Nahl (16): 44

Maksudnya: Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.²

Al-Quran terus mendapat perhatian daripada para sahabat, tabiin, *tābi‘ al-tābi‘īn* dan para ulama yang datang selepas tiga kurun pertama itu. Mereka mencuba sedaya

¹ *al-Thaqalayn* adalah perkataan yang merujuk kepada dua makhluk yang dibebankan dengan perkara-perkara ugama iaitu manusia dan jin. Lihat Dr. Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun‘im (1999), *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*, j. 1. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, h. 508. Lihat Jamā‘ah min Kibār al-Lughawiyyīn al-‘Arab (2003), *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsi*. Tunisia: Muassasah Lārūs al-‘Ālamiyah, h. 215.

² Lihat Sheikh Abdullah Basmeih (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, c. 6. Kuala Lumpur: Percetakan Adabi, h. 521.

upaya untuk menyampaikan dakwah Islam ke seluruh pelusuk alam. Merekalah yang dimaksudkan oleh Nabi S.A.W. sebagai pewaris para Nabi sebagaimana terkandung di dalam sebuah hadis:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَبَّهُ الْأَئِمَّاءُ إِنَّ الْأَئِمَّاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينًا رَّبَّهُمَا إِنَّمَا وَرَّثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخْدَى بِهِ
أَخْدَى بِحَظٍّ وَافِرٍ...الْحَدِيثُ³

Maksudnya: Sesungguhnya para ulama adalah pewaris para Nabi. Sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan wang emas dan tidak juga wang perak. Sesungguhnya mereka mewariskan ilmu. Maka sesiapa yang mengambilnya bermakna ia mengambil suatu keberuntungan yang besar...al-Hadīth

Misi dakwah para sahabat dan tabiin ke seluruh pelusuk dunia adalah serentak dengan misi perluasan wilayah Islam. Ia bukan hanya melibatkan semenanjung tanah Arab malah merentasi benua-benua yang lain seperti Afrika dan Asia termasuk Eropah. Situasi tersebut menyaksikan manusia memasuki agama Islam secara berduyun-duyun. Sebahagian besar daripada mereka tidak berkeahlian di dalam bidang berkaitan ilmu-ilmu bahasa Arab dan ilmu-ilmu agama yang amat diperlukan untuk memahami nas-nas al-Quran khususnya yang berkaitan dengan hukum-hakam. Allah S.W.T. telah mengimbangi keadaan tersebut dengan melahirkan para ulama sama ada dalam kalangan sahabat, tabiin, *tābi‘ al-tābi‘īn* dan generasi seterusnya yang bertanggungjawab untuk menjelaskan hukum-hakam agama kepada umat.

Pada zaman *al-tadwīn*⁴, pentafsiran para ulama terhadap *āyāt al-ahkām* mula dibukukan secara berasingan daripada tafsir al-Quran. Kepedulian mereka terhadap

³ Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī (1975), *Sunan al-Tirmidhī wa Huwa al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-‘Ilm , Bāb Mā Jā‘a fī Faḍl al-Fiqh ‘alā al-‘Ibādah, no. 2682, j. 5, c. 2. Mesir: Sharikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī, h. 48-49.

Lihat al-Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Quzwaynī Ibn Mājah (1417), *Sunan Ibn Mājah*, Bāb Faḍl al-‘Ulamā’ wa al-Ḥath ‘alā Talab al-‘Ilm, no. 223, c. 1, Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, h. 56.

⁴ *al-Tadwīn* adalah *masdar* dari perkataan *al-Tadwīn* merujuk kepada zaman pembukuan yang bermula pada akhir zaman pemerintah Banī Umayyah dan permulaan pemerintahan Banī

pentafsiran *āyāt al-ahkām* amat tinggi sehingga kebanyakan ulama didapati menghasilkan karya tafsir *āyāt al-ahkām* mengikut keupayaan dan kecenderungan mereka sendiri. Kajian juga mendapati bahawa tidak pernah lekang suatu kurun kecuali terdapat karya-karya para ulama yang mentafsirkan *āyāt al-ahkām*.

Dalam usaha para ulama mentafsirkan *āyāt al-ahkām*, pelbagai metode telah digunakan dan yang pasti sebahagiannya tidak sama dengan sebahagian yang lain. Ia membuka mata para pengkaji untuk mendekati dan memahami kaedah pentafsiran al-Quran dari sudut kandungan, penyampaian, *uslūb*, persembahan dan lain-lain. Kajian seumpama ini dibuat bertujuan untuk mendapatkan rahsia kejayaan para ulama dalam menyampaikan mesej Allah S.W.T. kepada umat.

Begitulah juga maksud kajian yang dilakukan oleh penulis. Kejayaan Wahbah al-Zuhaylī menyampaikan mesej Allah S.W.T. dalam *āyāt al-ahkām* menarik minat pengkaji untuk mendekati, mendalami dan mempelajari motode yang digunakan oleh beliau dalam karya tafsir beliau iaitu *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Akīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*.

SEBAB PEMILIHAN TAJUK

Pemilihan pentafsiran *āyāt al-ahkām* dalam kitab *al-Tafsīr al-Munīr* karangan Wahbah al-Zuhaylī berasaskan kepada dua alasan. Alasan pertama merujuk kepada ketokohan Wahbah dalam bidang tafsir al-Quran dan bidang *al-Fiqh al-Islāmī*. Ini adalah suatu kenyataan yang tidak boleh dinafikan lagi. Beliau merupakan salah seorang tokoh ulama Islam masa kini yang telah menghasilkan beberapa karya dalam bidang

[‘]Abbāsiyyah. Lihat al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, j. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 104.

tafsir al-Quran dan pada masa yang sama, beliau juga adalah seorang tokoh yang terkenal dalam bidang *al-Fiqh al-Islāmī*. Gabungan kedua-dua bidang ilmu ini adalah amat penting, khususnya dalam pentafsiran *āyāt al-ahkām*.

Alasan kedua ialah penerimaan baik masyarakat pembaca dalam kalangan umat Islam terhadap karya *al-Tafsīr al-Munīr*. Penerimaan tersebut adalah berdasarkan metode yang digunakan oleh pengarang yang sangat berkesan dan berjaya. Perkara ini diakui bukan sahaja oleh masyarakat pembaca umat Islam bahkan oleh pihak-pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Karya ini juga sudah beberapa kali diulang cetak dan juga sudah diterjemah ke dalam bahasa-bahasa yang lain. Berdasarkan maklumat yang diperoleh penulis, karya ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Turki, Parsi dan beberapa juzuk daripadanya sudah diterjemah ke dalam bahasa Melayu.

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Āyāt al-ahkām merupakan sumber utama hukum syarak (شَرْعٌ)⁵. Pentafsirannya amat penting dalam menjelaskan dan menerangkan kehendak-kehendak syarak melalui sesuatu *āyāt al-ahkām*.

Setiap ulama yang menghasilkan karya tafsir al-Quran mempunyai metode sendiri dalam mempersempahkan pentafsiran mereka terhadap maksud *āyāt al-ahkām*. Kecenderungan mereka ini sudah tentu memberi kesan kepada karya yang ditulis.

⁵ Syarak dari sudut bahasa adalah penjelasan dan penyataan. Maksudnya mengikut istilah para *al-Fuqaha'* ialah penjelasan hukum-hakam yang dinisbahkan kepada syarak. Lihat Dr. Maḥmūd ‘Abd al-Raḥmān ‘Abd al-Mun‘im (1999), *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*, j. 2. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, h. 327-328. al-Imām al-Jurjāni menambah: Digunakan شَرْعَ اللَّهِ كَذَا (Allah mensyariatkan demikian) dengan makna أَيْ جَعَلَهُ طَرِيقًا وَمَذْهَبًا (Allah menjadikan sesuatu itu sebagai jalan dan laluan). Lihat al-Jurjānī (1987), *al-Ta‘rifāt*, c. 1, Beirut: ‘Ālam al-Kutub, h. 166.

Tokoh ulama yang bermazhab tertentu akan menggunakan platform⁶ pentafsiran *āyāt al-ahkām* untuk mengenengahkan pendapat-pendapat mereka dan mendatangkan *wajh al-istidlāl*⁷ kepada sesuatu ayat selaras dengan *ijtihād* imam mereka.

Bertitik tolak dari situlah lahirnya karya-karya pentafsiran *āyāt al-ahkām* dengan pelbagai bentuk dan cara. Setiap pengarang menggunakan pendekatan masing-masing dalam mempersesembahkan karya mereka dan meletakkan metode-metode yang tertentu dalam mentafsirkan *āyāt al-ahkām*.

MASALAH KAJIAN

Wahbah al-Zuhaylī adalah di antara ulama kontemporari yang menghasilkan karya dalam bidang tafsir al-Quran. Sambutan dan penerimaan masyarakat Islam terhadap karya-karya beliau khususnya *al-Tafsīr al-Munīr* amat menggalakkan. Pentafsiran beliau terhadap *āyāt al-ahkām* cukup menarik dan bersifat merangkumi semua perkara yang diperlukan di dalam pentafsiran.

Berasaskan sambutan dan penerimaan baik masyarakat Islam terhadap *al-Tafsīr al-Munīr* serta pentafsiran beliau terhadap *āyāt al-ahkām* yang amat menarik, timbul beberapa tanda tanya seperti berikut:

1. Siapakah Wahbah al-Zuhaylī dan sejauh manakah ketokohan beliau dalam bidang tafsir al-Quran dan bidang *al-Fiqh al-Islāmi*? Bagaimanakah bentuk karya *al-Tafsīr al-Munīr* dan apakah metodologi yang digunakan oleh pengarang?

⁶ Platform ialah lantai yang ditinggikan, dasar dan asas perjuangan. Kamus Dewan (2010), edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1218.

⁷ *Wajah al-istidlāl* bermaksud bentuk sesuatu nas menjadi dalil kepada sesuatu hukum.

2. Apakah metodologi yang digunakan oleh pengarang dalam mentafsirkan *āyāt al-ahkām* di dalam *al-Tafsīr al-Munīr*?
3. Apakah maksud *āyāt al-ahkām* itu sendiri?

Semua tanda tanya yang dibangkitkan di atas adalah perkara-perkara utama yang akan dirungkaikan oleh penulis menerusi kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan di dalam masalah kajian, penulis meletakkan tiga sasaran utama yang perlu dicapai menerusi kajian ini. Butiran sasaran tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengkaji maksud *āyāt al-ahkām*.
2. Mendedahkan keperibadian Wahbah al-Zuhaylī dan ketokohan beliau dalam bidang tafsir al-Quran dan *al-Fiqh al-Islāmī* serta mengkaji karya *al-Tafsīr al-Munīr* dan mengenalpasti metode pentafsiran yang digunakan di dalam karya tersebut.
3. Mengkaji metode pentafsiran *āyāt al-ahkām* yang digunakan oleh pengarang dalam karya *al-Tafsīr al-Munīr* dan menganalisis sampel-sampel yang terpilih untuk melihat keabsahan metode yang digunakan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian terhadap metodologi pengarang sesebuah karya tafsir al-Quran dianggap penting kerana mengetahui kaedah penulisan sesuatu karya adalah kunci kepada

kefahaman pembaca terhadap maklumat yang hendak disampaikan. Dari sudut yang lain, kajian metodologi sesebuah karya adalah penghargaan terhadap pengarang itu sendiri, sebagaimana disebut di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh ‘Atiyyah daripada Abū Sa‘īd, beliau berkata, Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ لَا يَشْكُرُ اللَّهَ⁸

Maksudnya: Sesiapa yang tidak mensyukuri manusia, bermakna ia tidak mensyukuri Allah S.W.T.

Mengenali dan menghargai seseorang tokoh yang berjasa kepada agama Allah S.W.T. cukup penting lebih-lebih lagi tokoh yang berjasa dalam bidang tafsir al-Quran dan hukum-hakamnya. Wahbah adalah seorang tokoh yang sudah terkenal dan diakui segala sumbangan dan jasa-jasanya dalam bidang yang telah disebutkan.

Keperluan umat Islam khususnya di Nusantara terhadap penjelasan hukum-hakam berasaskan nas-nas al-Quran adalah sesuatu yang mendesak. Sehingga sekarang, belum terdapat sebuah karya yang lengkap ditulis dalam bahasa Melayu untuk memjelaskan pengertian nas-nas al-Quran yang bersabit dengan hukum. Usaha para ulama dan pihak-pihak berkenaan perlu digiatkan untuk mewujudkan karya tersebut.

⁸ Hadis ini dikeluarkan oleh al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal daripada Abū Hurayrah di dalam Musnad Abū Hurayrah dan daripada Abū Sa‘īd di dalam Musnad Abī Sa‘īd. Lihat al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal (1995), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, *Musnad Abī Hurayrah*, no. 7495, j. 7, Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 295.

Ibid., *Musnad Abī Sa‘īd al-Khudrī*, no. 11219, j. 10, h. 105.

Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī daripada riwayat Abū Hurayrah dan riwayat Abū Sa‘īd dan beliau menghukumkan hadis ini dengan *hasan sahīh*. Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī (1983), *al-Jāmi‘ al-Sahīh*, *Bab al-Birr wa al-Silah*, *Bab Mā Jā’ā fī al-Shukr li Man Aḥsana ilayka*, no. 1954, c. 2, j. 3, Mesir: Sharikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīhi, h. 339.

Lihat Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthannā al-Tamīmī (1990), *Musnad Abū Ya‘lā al-Mawṣilī*, *Musnad Abī Sa‘īd al-Khudri*, no 148 (1122), c. 2, j. 2, Damshiq: Dār al-Ma’mūn li al-Turāth, h. 365.

Lihat al-Ḥāfiẓ Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī (1983), *al-Mu’jam al-Kabīr*, *Musnad Jarīr bin ‘Abd Allāh al-Bajalī*, *Abū Ishāq al-Sabī‘ī an Jarīr*, no. 2501, c. 2, j. 2, Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, h. 356.

Usaha tersebut sudah tentu memerlukan cara dan kaedah terbaik dalam penulisan. Sehubungan itu, penulis melihat betapa pentingnya mempelajari metode-metode para ulama yang telah berjaya menunaikan tanggungjawab menyampaikan mesej Allah S.W.T. kepada umat ini.

Justeru, kajian ini menumpukan kepada usaha untuk mengenalpasti dan menganalisis metode pentafsiran *āyāt al-ahkām* yang digunakan oleh Wahbah al-Zuhaylī bagi tujuan mempelajari kaedah-kaedah pentafsiran yang baik. Hasil kajian boleh dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk dijadikan modul dalam penghasilan karya tafsir *āyāt al-ahkām* untuk kepentingan umat Islam serantau.

Ia juga berpotensi untuk dijadikan bahan ilmiah yang berharga dan merupakan salah satu hak intelek yang boleh dimanfaatkan oleh pengkaji akademik, institusi pengajian tinggi dan masyarakat secara umum.

SKOP KAJIAN

Secara umum, kajian ini terbatas hanya kepada empat perkara asas. Pertama ialah kajian mengenai *āyāt al-ahkām* dari sudut maksud dan perkembangannya. Kedua puluh ialah kajian mengenai ketokohan Wahbah al-Zuhaylī dalam bidang tafsir al-Quran khususnya tafsir *āyāt al-ahkām*. Ia meliputi riwayat hidup beliau, pendidikan, sumbangan, penglibatan sosial, anugerah yang pernah diterima dan perkara-perkara berkaitan.

Ketiga ialah kajian mengenai karya *al-Tafsīr al-Munīr* dari sudut pengenalan, latar belakang penulisan, keistimewaan dan metode pentafsiran secara umum. Keempat

ialah analisis terhadap metodologi Wahbah dalam pentafsiran *āyāt al-ahkām* di dalam karya tersebut.

Sebanyak dua ratus *āyāt al-ahkām* disenarai pendek untuk dijadikan sampel kepada kajian ini. Berikut adalah ayat-ayat yang dimaksudkan, bermula dengan surah al-Baqarah: Ayat 114, 115, 125, 172, 173, 178, 179, 183, 184, 185, 187, 188, 189, 195, 196, 197, 198, 203, 215, 216, 217, 219, 221, 222, 224, 226, 228, 229, 230, 231, 232, 271, 275, 279, 282 dan 283. Surah Ālu ‘Imrān: Ayat 28, 97 dan 161. Surah al-Nisā’: Ayat 3, 5, 7, 8, 11, 19, 20, 22, 23, 25, 29, 34, 35, 36, 43, 58, 59, 83, 86, 89, 90, 91, 92, 94, 95, 101, 102, 103, 115, 127, 128, 129 dan 176. Surah al-Ma’idah: Ayat 1, 2, 3, 4, 5, 6, 33, 34, 38, 42, 45, 87, 89, 90, 95, 96, 105, 106, 107 dan 108. Surah al-An‘ām: Ayat 108, 118, 119, 121 dan 145. Surah al-A‘rāf: Ayat 31, 32, 33, 204 dan 205. Surah al-Anfāl: Ayat 1, 15, 16, 38, 39, 41, 46, 60, 61, 67, 72 dan 75. Surah al-Tawbah: Ayat 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 11, 17, 18, 34, 36, 41, 44, 45, 58, 60, 84, 103, 108, 113 dan 122. Surah Hūd: Ayat 113. Surah al-Nahl: Ayat 94, 98, 116, 125 dan 126. Surah al-Isrā’: Ayat 29, 33, 36, 37, 78 dan 110. Surah Maryam: 29. Surah Tāhā: Ayat 131. Surah al-Hajj: Ayat 36. Surah al-Nūr: Ayat 2, 4, 6, 7, 8, 9, 27, 30, 31, 32, 33, 58, 60, 61 dan 62. Surah al-Furqān: Ayat 67. Surah al-Aḥqāf: Ayat 15. Surah Muḥammad: Ayat 4 dan 35. Surah al-Fath: Ayat 25. Surah al-Ḥujurāt: Ayat 6 dan 9. Surah Qāf: Ayat 39 dan 40. Surah al-Wāqi‘ah: Ayat 79. Surah al-Mujādalah: Ayat 3 dan 4. Surah al-Hashr: Ayat 6 dan 7. Surah al-Mumtaḥanah: Ayat 8, 9, 10, 11 dan 12. Surah al-Juma‘ah: Ayat 9. Surah al-Ṭalāq: Ayat 1. Surah al-Taḥrīm: Ayat 1 dan 2. Surah al-Muzammil: Ayat 2, 3, 4 dan 20. Surah al-Muddathir: Ayat 3, 4 dan 5. Surah al-Ma‘ūn: Ayat 7.

KERANGKA KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk meninjau dan mengenalpasti metode yang digunakan oleh Wahbah al-Zuhaylī dalam mentafsirkan *āyāt al-ahkām* melalui karya tafsirannya *al-Tafsīr al-Munīr*. Proses ini memerlukan daya faham dan disiplin yang tinggi untuk memastikan dapatan yang tepat dan berasas.

Walau bagaimanapun, sorotan akan bermula daripada perbincangan mengenai pengertian *āyāt al-ahkām*, penurunan, peranan, sejarah pentafsirannya bermula zaman Rasulullah S.A.W. sehingga zaman moden ini. Beberapa contoh karya *āyāt al-ahkām* akan dikemukakan bersama metodologi yang digunakan oleh penulisnya secara ringkas.

Kemudian, kajian ini akan membawa pembaca untuk mengenali tokoh ahli tafsir masa kini iaitu Wahbah al-Zuhaylī. Tinjauan ini akan dimulakan dengan profil riwayat hidup beliau, latar belakang pendidikan, kerjaya, jawatan-jawatan yang disandang dan ketokohan beliau. Anugerah-anugerah yang diterima oleh Wahbah turut disebut sebagai bukti usaha beliau dihargai dan dihormati oleh seluruh lapisan umat Islam.

Analisis juga akan dibuat terhadap metode-metode yang digunakan oleh pengarang untuk mempelajari teknik dan bentuk pentafsiran yang dipersembahkan. Ia melibatkan metode kerangka karya dan metode isi kandungan yang merupakan fokus sebenar kajian.

Kesimpulan hasil kajian akan dibuat dan beberapa saran dan cadangan akan diajukan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk kepentingan umat Islam serantau.

Melalui kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan dalam penghasilan sebuah karya khususnya bersabit dengan tafsiran *āyāt al-ahkām* di peringkat nasional.

HURAIAN ISTILAH

Sepanjang kajian bertajuk *Metodologi Pentafsiran Āyāt al-Ahkām dalam karya al-Tafsīr al-Munīr karangan Wahbah al-Zuhaylī* ini, ia mengandungi beberapa istilah yang memerlukan penjelasan. Antaranya ialah istilah *āyāt al-ahkām* yang membawa maksud himpunan ayat-ayat al-Quran yang menyentuh mengenai hukum secara langsung. Tumpuan kajian hanya kepada 200 ayat yang membincangkan soal hukum secara langsung sahaja.

Istilah **pengajian tafsir** pula membawa maksud suatu aktiviti pengajian yang berkaitan dengan penjelaskan ayat-ayat al-Quran sama ada secara *ma'thur* atau secara *ra'y*. **al-Ma'thur** bererti pentafsiran al-Quran berdasarkan pentafsiran yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW, para sahabat dan para tabiin. **al-Ra'y** pula bermaksud pentafsiran al-Quran berdasarkan pemahaman seseorang ulama terhadap kandungan ayat al-Quran berdasarkan kemampuan penguasaan bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang diperlukan dalam pentafsiran al-Quran.

al-Manhaj adalah perkataan Arab yang membawa erti metodologi. Ia merujuk kepada cara, kaedah, jalan dan bentuk yang digunakan oleh seseorang dalam menjelaskan sesuatu. **al-Mawsu'i** pula adalah suatu perkataan Arab bermaksud Ensiklopedia. Istilah ini merujuk kepada ketokohan Wahbah yang dianggap sebagai ulama *al-mawsu'i* berikutan penguasaan beliau terhadap semua disiplin ilmu dan kepeduliannya terhadap permasalahan-permasalahan baru yang berlaku dalam

masyarakat. Penyertaan beliau dalam isu-isu global, sejagat dan isu kepentingan umat Islam cukup jelas dan dihargai.

Istilah **pengarang** yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada Wahbah al-Zuhaylī selaku tokoh yang menghasilkan karya *al-Tafsīr al-Munīr*, manakala istilah **penulis** pula merujuk kepada pengkaji.

KAJIAN LITERATUR

Wahbah amat popular dalam kalangan umat Islam. Tidak hairanlah karya-karya beliau menjadi bahan bacaan dan rujukan mereka khususnya bidang tafsir al-Quran dan *al-Fiqh al-Islāmī*. Sehingga hari ini, banyak kajian yang telah dilakukan untuk mengkaji ketokohan dan meneliti metodologi beliau dalam menghasilkan karya khususnya *al-Tafsīr al-Munīr*. Berikut disenaraikan contoh-contoh kajian yang dibuat:

1. Pengkaji : Muḥammad ‘Ārif Aḥmad Fāri‘
Pusat kajian : Qism al-Qur’ān al-Karīm dan ‘Ulūm al-Qur’ān, Kuliyyah al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah wa al-Qānūniyyah, Universiti Āl al-Bayt, Jordan.
Tajuk kajian : *Manhaj Wahbah al-Zuhaylī fī Tafsīrihī li al-Qur’ān al- Karim (al-Tafsīr al-Munīr)*
Status kajian : Sarjana
Tahun kajian : 1998M

Pengkaji berjaya mendedahkan ketokohan Wahbah al-Zuhaylī secara ringkas dengan mendapatkan biodata beliau terus daripada Wahbah al-Zuhaylī sendiri. Pengkaji juga berjaya menganalisis metodologi pentafsiran yang digunakan oleh Wahbah al-Zuhaylī di dalam karya tersebut dengan teliti. Ketika menganalisis *āyāt al-ahkām*, pengkaji telah menyatakan sikap pengarang dalam masalah fiqah dari semua bab seperti

ibadah, muamalah, hudud, qisas, persoalan keluarga Islam, larangan-larangan dalam Islam dan perkara-perkara harus.

Kajian di atas adalah berbeza dengan kajian yang dilakukan di dalam tesis ini kerana penulis lebih menumpukan perhatian kepada metodologi pentafsiran *āyāt al-ahkām* secara khusus. Semua bentuk pentafsiran *āyāt al-ahkām* dianalisis untuk mendapatkan corak pentafsiran pengarang dengan lebih teliti dan mengambil sebahagian contoh pentafsiran sebagai sampel kajian.

2. Pengkaji : Muhibb al-Dīn ‘Abd al-Sabḥān
Pusat kajian : Universiti Ummu al-Qurā, Kuliyah al-Shari‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, al-Dirāsāt al-‘Ulyā al-Shar‘iyah, Sa‘ūdi ‘Arabiyyah.
Tajuk kajian : *Manhaj al-Imām al-Shāfi‘ī fī Tafsīr Āyāt al-Ahkām*
Status kajian : Sarjana
Tahun kajian : 1407H

Kajian di atas adalah suatu kajian yang berharga kerana pengkaji menganalisis metodologi pentafsiran Imam al-Shāfi‘ī dalam mentafsirkan *āyāt al-ahkām*. Semua pentafsiran Imam al-Shāfi‘ī terhadap *āyāt al-ahkām* dikumpulkan dan dianalisis secara teliti.

3. Pengkaji : Firdaus bin Sulaiman
Pusat Kajian : Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
Tajuk Kajian : *Tafsir āyāt al-ahkām: Kajian perbandingan antara Tafsīr al-Jaṣṣāṣ dan Tafsīr al-Qurtubī*
Status Kajian : Sarjana
Tahun Kajian : 2006M

Kajian di atas pula tertumpu kepada usaha menganalisis perbandingan dua karya penting dalam tafsir *āyāt al-ahkām* iaitu, Tafsir al-Jaṣṣāṣ dan Tafsir al-Qurtubī. Kedua-dua karya tersebut mempunyai persamaan dalam beberapa aspek dan perbezaan dalam

kebanyakan aspek. Adapun tumpuan kajian yang dilakukan ini adalah menganalisis metodologi *āyāt al-ahkām* yang digunakan oleh pengarang dalam karya tersebut.

4. Pengkaji : Humaedi
Pusat Kajian : Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
Tajuk Kajian : *Metodologi Pentafsiran Ayat Hukum al-Baghawī dalam Ma ’ālim al-Tanzīl*.
Status Kajian : Sarjana
Tahun Kajian : 2007M

Kajian ini pula adalah berkaitan penyataan metodologi pentafsiran ayat hukum di dalam karya Imam al-Baghawī iaitu *Ma ’ālim al-Tanzīl*. Pengkaji menyenaraikan secara teliti metode-metode yang digunakan oleh pengarang dan membuat kesimpulan terhadap metode-metode tersebut selepas memperkenalkan pengarang iaitu Imam al-Baghawī.

Terdapat juga karya-karya yang dihasilkan oleh ulama dan cendekiawan Islam yang membincangkan ketokohan Wahbah termasuk karya-karya yang mengulas karya-karya yang ditulis oleh Wahbah. Di antara penulisan tersebut ialah:

1. *Juhūd al-Zuḥaylī fī al-Tafsīr al-Munīr min Khilāl Fiqh al-Ḥayāh li al-Āyāt al-Mu ‘āmalah al-Māliyah* hasil tulisan Dr. ‘Abd al-Sattār al-Haytī.
2. *Ma ’ālim al-Tariq ilā al-Tafsīr al-Munīr* hasil tulisan Dr. Muḥammad al-Zuḥaylī yang merupakan adik kepada Wahbah al-Zuḥaylī.
3. *Wahbah al-Zuḥaylī; al-‘Ālim al-Faqīh al-Mufassir* hasil tulisan Dr. Badi‘ al-Sayyid al-Lahhām yang merupakan anak murid kepada Wahbah al-Zuḥaylī cetakan Dār al-Qalam, Damshiq.

Walau bagaimanapun, kajian dan tulisan yang lebih fokus mengkaji metodologi Wahbah al-Zuhaylī dalam pentafsiran *āyāt al-ahkām* tidak berjaya ditemui. Sebagai melengkapkan kekurangan dan menutup kelompongan yang terdapat di dalam kajian-kajian dan tulisan di atas, penulis berusaha untuk mengkaji metodologi Wahbah dalam pentafsiran *āyāt al-ahkām*. Hal ini kerana metode pentafsiran *āyāt al-ahkām* sedikit berbeza dengan pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang lain. Perbahasan hukum sudah pasti menjadi tumpuan dan tidak terlepas daripada perbahasan ilmu fiqah, *Uṣūl al-Fiqh*, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, khilaf antara ulama, *'Ulūm al-Qur'ān*, dan ilmu-ilmu yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi ilmiah merupakan prosedur dalam mendapatkan pengetahuan yang disebut sebagai ilmu⁹ dan tidak semua pengetahuan yang dicapai oleh manusia boleh dianggap ilmu kerana cara mendapatkannya harus memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria tertentu. Menurut Senn, ia merupakan satu proses atau cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah sistematik.¹⁰ Golongan sarjana dan cendekiawan juga menamakan langkah-langkah sistematik ini dengan metode ilmiah.¹¹

Kajian ini ialah kajian perpustakaan semata-mata (*library research*). Dalam usaha untuk menghasilkan kajian yang bermutu dengan berasaskan fakta-fakta yang tepat, kajian ini telah menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan bagi mendapatkan data dan maklumat, iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data.

⁹ Jujun S. Suriasumantri (1998), *Filsafah Ilmu: Sebuah Pengantar Popular*, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 119.

¹⁰ Peter R. Senn (1971), *Social Science and Its Methods*, Boston: Holbrook, h. 4.

¹¹ al-Imām Barnadib (1984), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Jogjakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

a. Metode Penentuan Subjek

Subjek yang menjadi kajian ialah *āyāt al-ahkām*, Wahbah al-Zuhaylī, karya *al-Tafsīr al-Munīr* dan pentafsiran *āyāt al-ahkām* di dalam karya *al-Tafsīr al-Munīr*.

b. Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data bermaksud beberapa cara dan kaedah yang digunakan untuk mendapat dan memperoleh data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Data yang diperoleh akan membantu penyelidik secara terus menjawab persoalan yang dibangkitkan dalam penyelidikan.¹²

i. Metode Penyelidikan Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah pengkajian terhadap objek penelitian di perpustakaan. Metode ini digunakan untuk mendapatkan data-data daripada buku-buku yang berkaitan secara langsung dengan kajian terutama kajian-kajian terdahulu. Pencarian data-data tersebut bertujuan untuk mengkaji *āyāt al-ahkām*, pentafsiran *āyāt al-ahkām* oleh para ulama, biodata Wahbah al-Zuhaylī dan ketokohnnya serta karya *al-Tafsīr al-Munīr* dan metodologi pentafsirannya.

Beberapa buah perpustakaan utama di dalam negara telah menjadi tempat rujukan iaitu:

¹² Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32.

- a) Perpustakaan Negara
- b) Perpustakaan Zaaba, Universiti Malaya
- c) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- d) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri
- e) Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
- f) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak
- g) Perpustakaan ISTAC, Kuala Lumpur
- h) Perpustakaan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
- i) Perpustakaan al-Zahra' Kota Bharu, Kelantan

ii. Metode Dokumentari

Metode dokumentasi bermaksud pengumpulan data secara mengkaji dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah kajian yang diteliti.¹³

Kaedah ini banyak digunakan bagi melengkapkan maklumat dan fakta bagi bab pertama, kedua dan ketiga. Proses pengumpulan data dan maklumat tersebut didapati melalui pembacaan buku-buku, tulisan-tulisan, laman-laman sesawang dan lain-lain. Metode ini amat penting bagi mendapatkan fakta yang sebenar mengenai maksud *āyāt al-ahkām* sama ada dari sudut sejarah, metode penafsirannya dan perbandingan karya-karya yang mentafsirkan *āyāt al-ahkām* bagi melengkapkan bab yang pertama. Begitu juga dengan fakta dan maklumat berkaitan biografi Wahbah al-Zuhaylī di dalam bab kedua yang amat memerlukan metode tersebut. Hal yang sama berlaku ketika mendapatkan data dan maklumat berkaitan karya *al-Tafsīr al-Munīr* serta metodologi pentafsiran pengarangnya di dalam bab yang ketiga.

¹³ Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 117.

Penulis juga terpaksa menghubungi rakan-rakan yang sedang belajar di Timur Tengah untuk mendapatkan data-data penting, khususnya kajian lepas dan biodata Wahbah. Hal ini berikutan penulisan tentang biodata dan ketokohan Wahbah amat terhad, boleh jadi kerana tokoh ini masih hidup. Khidmat laman-laman sesawang melalui jaringan internet banyak membantu dalam proses pengumpulan data, khususnya laman web Wahbah sendiri iaitu <http://fikr.com/Zuhayli/>.¹⁴

c. Metode Analisis Data

Metode analisis data secara **induktif** digunakan di dalam bab yang ketiga dan keempat untuk mendapatkan kesimpulan umum terhadap data-data yang telah terkumpul. Penelitian dibuat secara khusus dengan menyorot sampel kajian bagi mendapatkan kesimpulan tersebut.

Metode deduktif pula digunakan untuk mendapatkan kesimpulan secara menyeluruh dalam bentuk yang lebih khusus terhadap metodologi yang digunakan oleh pengarang. **Metode komparatif** juga turut digunakan bagi mendapatkan kesimpulan metodologi pentafsiran pengarang terhadap *āyāt al-ahkām* dalam *al-Tafsīr al-Munīr* melalui proses perbandingan dan pengkategorian.

Karya *al-Tafsīr al-Munīr* yang dijadikan rujukan kepada kajian ini ialah naskah cetakan pertama 1991M yang dicetak oleh syarikat Dār al-Fikr yang berpusat di Beirut, Lubnan dan cetakan ulangan tahun 1998M yang dicetak oleh syarikat Dār al-Fikr yang berpusat di Damshiq, Syria.

¹⁴ Pada tahun 2010M laman sesawang beliau menggunakan alamat al-Zuhayli.net/. Kini ia boleh diakses melalui <http://fikr.com/zuhayli/>. 1 Januari 2011.

SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini disusun dalam satu pendahuluan dan disusuli dengan lima bab. Di dalam **pendahuluan**, penulis menjelaskan metodologi kajian dan disiplin yang akan digunakan sepanjang penulisan. Ia merangkumi pengertian tajuk, sebab pemilihan tajuk, latar belakang kajian, masalah kajian, objektif yang hendak dicapai, kerangka kajian, kepentingan kajian, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

Bab yang pertama pula akan memusatkan perbincangan terhadap pengertian *āyāt al-ahkām*, konsepnya secara ilmiah dan contoh-contoh karya *āyāt al-ahkām*.

Bab kedua dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama lebih terarah kepada kajian berkaitan biografi Wahbah al-Zuhaylī dari sudut sejarah hidup, pendidikan, kerjaya dan ketokohnanya dalam bidang tafsir al-Quran dan *al-Fiqh al-Islāmī*. Bahagian kedua pula membahaskan karya *al-Tafsīr al-Munīr* yang meliputi pengenalan karya, sebab penulisan, keistimewaan dan metode penulisan secara umum.

Bab ketiga pula dikhurasukan untuk mengkaji metodologi pentafsiran pengarang ketika mentafsirkan *āyāt al-ahkām*. Bab ini juga dibahagikan kepada dua bahagian yang mana bahagian pertama memperkatakan tentang metode penulisan dan persembahan pentafsiran *āyāt al-ahkām*, manakala bahagian kedua menyentuh tentang metode kandungan pentafsiran. Analisis yang dilakukan ini adalah hasil penelitian dan perbandingan terhadap pentafsiran 200 *āyāt al-ahkām* dalam *al-Tafsīr al-Munīr*.

Kemudian, menyusul **bab yang keempat** di mana suatu analisis dijalankan terhadap beberapa sampel yang terpilih mengikut bab-bab fiqah untuk melihat keabsahan metodologi yang digunakan oleh Wahbah secara ilmiah.

Kesimpulan kajian boleh didapati dalam **bab yang kelima**. Penulis akan merumuskan dapatan-dapatan yang diperolehi dari kajian tersebut. Beberapa saranan juga turut dikemukakan kepada semua lapisan masyarakat Islam terutamanya para ulama dan cendekiawan Islam demi melihat perkembangan ilmu Islam dalam dunia Melayu.

Hanya kepada Allah S.W.T. jualah tempat bergantung harapan dan pertolongan agar usaha ini disertai dengan *'ināyah* dan *ri'āyah*-Nya. Semoga karya ini dapat dimanfaatkan oleh umat Islam seluruhnya. AMIN.